



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 12 OKTOBER 2023 – Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 yang bersidang pada hari ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berperanan untuk merangka cadangan hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik serta mencadangkan strategi dan pelan tindakan Kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara.

Mesyuarat ini membincangkan mengenai beberapa inisiatif seperti berikut:

- (i) mengambil perhatian terhadap status cadangan **Program Pembangunan Industri Tenusu Negara** menerusi Projek Pembangunan Ladang Tenusu Integrasi di Chuping, Perlis oleh Fresh Milk Ventures Sdn. Bhd.;
- (ii) kajian semula **penggunaan baja bio dan baja organik** bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi;
- (iii) kajian semula **formulasi baja NPK subsidi sedia ada** dengan cadangan memasukkan mikronutrien dan mempertimbangkan pengurangan kandungan *dipotassium oxide* (K_2O) yang berlebihan; serta pelaksanaan **analisis tanah (soil analysis)** secara berkala (5 tahun sekali) untuk menilai pH, dan kandungan N-P-K-Mg dan mikronutrien di setiap kawasan jelapang padi negara;
- (iv) **penggubalan Akta Agrologis** bagi memperkasakan program pengembangan dalam aspek amalan pertanian baik (seperti pembajaan dan kawalan penyakit);
- (v) **penggubalan Akta Baja** untuk pengawalan kualiti baja di pasaran negara;
- (vi) **memudahkan akses input agroteknologi mampan pemulih tanah dan biobaja** yang dibangunkan dalam negara melalui Program Subsidi Kerajaan Kebangsaan dan melaksanakan **pembangunan agroteknologi** selari dengan prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG);

- (vii) status pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dengan peruntukan berjumlah RM230 juta bagi tempoh 2023 hingga 2025; dan
- (viii) status pelaksanaan dan cadangan peluasan Jualan Agro Madani sebagai salah satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan kemampuan dan ketersediaan bahan makanan kepada pengguna yang melibatkan **pengurangan harga 10% hingga 30% lebih rendah dari harga pasaran** bagi komoditi terpilih.

Melalui platform ini, idea serta saranan yang diketengahkan dalam mesyuarat ini akan diperhalusi dan ditambahbaik sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dijangka bersidang dalam masa terdekat

Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*. Justeru, jawatankuasa ini mencerminkan komitmen padu Kerajaan dalam memperkukuh sekuriti makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penjaan pendapatan, potensi teknologi pertanian sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
12 OKTOBER 2023